

17 OCT 2003

WARTAWAN AMBIL KESEMPATAN BERGAMBAR DENGAN DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Para anggota media mengambil kesempatan untuk bergambar dan mendapatkan autograf Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sebaik sahaja beliau selesai mengadakan persidangan berita pada akhir Sidang Kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) ke-10 di sini.

Perdana Menteri memenuhi permintaan mereka dengan menandatangani pada buku, kertas dan kad akreditasi mereka.

Selain wartawan, jurufoto dan jurukamera juga tidak melepaskan peluang untuk bergambar dengan Dr Mahathir.

Tugasan kali ini amat bermakna bagi petugas media tempatan kerana ini merupakan persidangan besar terakhir yang dipengerusikan oleh Dr Mahathir sebelum beliau bersara akhir bulan ini.

Turut hadir pada persidangan media itu ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Sebanyak 1,800 petugas media dari dalam dan luar negara membuat liputan sidang kemuncak itu yang bermula 11 Okt lepas.

Persidangan itu berlangsung di Pusat Konvensyen Putrajaya.

-- BERNAMA
NER AZZ MOZ